



KENYATAAN MEDIA
26 OGOS 2024

ST Memperkasakan Kekompetenan TVET Sebagai Pemangkin Peralihan Tenaga Negara

Putrajaya, 26 Ogos 2024 – Suruhanjaya Tenaga (ST) menganjurkan Majlis *TVET Competent ST* dengan slogan “*TVET Competent ST Energy Transition Catalyst*” sebagai inisiatif pemeraksanaan program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara, khususnya aktiviti yang berkaitan kekompetenan elektrik dan gas berpaip. Inisiatif ini juga diharap mampu membina hubungan profesional di antara agensi kawal selia dan institusi serta memperkukuhkan platform bagi pendidikan berterusan, selari dengan kemajuan teknologi hijau dan hala tuju Kerajaan.

Sebahagian besar daripada agenda peralihan tenaga adalah dekarbonisasi ekonomi supaya lebih banyak industri dan perniagaan komersial bertukar daripada penggunaan bahan api fosil kepada tenaga boleh baharu (TBB) melalui proses elektrifikasi. Dalam usaha mengubah dan memperkasakan industri dan perniagaan ekonomi negara, juruteknik dan jurutera yang kompeten dan berkebolehan tinggi adalah amat penting.

Pengiktirafan dan penghargaan kepada institusi yang ditauliah oleh ST untuk mengendalikan kursus dan peperiksaan kekompetenan bagi elektrik dan gas ini beraspirasi untuk mendidik dan mempromosikan keselamatan elektrik dan gas berpaip kepada para pelajar. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk melahirkan lebih ramai orang kompeten elektrik dan gas berpaip yang bukan sahaja berpengetahuan, berkemahiran malah berkualiti di pasaran negara.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof yang berkata, penganjuran Majlis *TVET Competent ST* adalah untuk memastikan institusi yang menawarkan kursus elektrik dan gas berpaip ditauliahkan oleh ST, selain memastikan industri melantik orang kompetenan elektrik dan gas berpaip. Diharap inisiatif pemeraksanaan program *TVET Competent ST* ini dapat meningkatkan lagi kesedaran di kalangan pihak institusi untuk mengutamakan aspek keselamatan elektrik dan gas berpaip yang selaras dengan Kod, Arahan dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh ST, dalam mengendalikan kursus dan peperiksaan kekompetenan di institusi masing-masing. Pelaksanaan program *TVET Competent ST* ini juga akan mewujudkan rangka kerja yang kukuh bagi pembangunan kekompetenan, pemerakuan dan pentauliahan selaras dengan inisiatif peralihan tenaga dan dasar Kerajaan.

Antara aspirasi dan hala tuju program *TVET Competent ST* bagi industri tenaga negara adalah untuk:

- i. meningkatkan proses akreditasi dengan memberi fokus kepada tenaga boleh baharu (TBB);
- ii. meningkatkan silibus kekompetenan dan kualiti pentauliahan institusi kompeten;
- iii. memperkenalkan skim *Enhanced Competent Program* (ECP) untuk memastikan kualiti orang kompeten;
- iv. memastikan kecukupan dana untuk meningkatkan kualiti fasiliti institusi yang diakreditasikan oleh ST; dan
- v. memastikan kelestarian program kekompetenan untuk memenuhi keperluan industri negara.

Beliau juga berkata berdasarkan kepada unjuran peningkatan teknologi peralihan tenaga, negara ini memerlukan seramai 62,000 orang yang kompeten, bagi

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

merealisasikan usaha menggerakkan penjana tenaga boleh baharu (TBB) sehingga 70% atau 56 GigaWatt (GW) dalam sektor tenaga pada tahun 2050.

“Saya menyarankan agar pihak industri untuk meneroka peluang berkolaborasi bersama insititusi dan badan kawal selia dalam menjamin peluang kerjaya graduan *TVET Competent ST*. Saya juga berharap tuan-tuan dan puan-puan untuk melantik orang kompeten dalam kerja-kerja berkaitan elektrik dan gas, demi keselamatan diri dan juga yang tersayang,” katanya.

Sehingga Ogos 2024, sebanyak 140 institusi telah ditauliah di seluruh Malaysia bagi mengendalikan kursus kekompetenan elektrik dan gas berpaip di Malaysia.

Selain itu, satu MOU di antara ST dan *Energy Commission of Sabah (EcoS)* juga telah dimeteraikan pada hari ini yang bertujuan untuk mengeratkan lagi kerjasama dan kolaborasi di antara badan kawal selia serta bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif di dalam industri elektrik dan gas khususnya mewujudkan pengurusan yang efektif dan cekap bagi menjamin keselamatan pengguna di seluruh negara.

Untuk makluman lanjut, sila layari laman sesawang ST di www.st.gov.my atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my / noorhazwani@st.gov.my / harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.